

BERITA ONLINE
LIFE NEWS AGENCY

TARIKH: 14 SEPTEMBER 2022 (RABU)



UTAMA BERITA ▾ HUBUNGI KAMI LNA TV ENG



HOME PAGE / KHAS / ENAM STARTUP TERIMA RM1.57 JUTA JUMLAH TERKUMPUL PELABURAN DI BAWAH PROGRAM MYSTARTUP ACCELERATOR

KHAS NIAGA Z10

Enam startup terima rm1.57 juta jumlah terkumpul pelaburan di bawah program Mystartup Accelerator

KUALA LUMPUR, 7 SEPTEMBER 2022 – Program MYStartup Accelerator mengumumkan enam (6) startup daripada Kohort 1 program itu telah menerima pelaburan bernilai RM1,570,000.00 secara terkumpul daripada 17 pelabur budiman (angel investors).

Enam startup tersebut ialah:

1. Mindaapz (www.mindappz.com) – Ruang pasaran EdTech untuk E-Tuisyen dan pendidikan lanjutan.
2. Krenovator (www.krenovator.cc) – Platform bagi latihan dan penempatan bakat dalam bidang teknologi.

3. IPICK (www.ipick.com.my) – Penyedia perkhidmatan penghantaran bungkusan antara bandar.
4. ThreadX (www.zoradesigners.com) – Platform fesyen Pengeluar Peralatan Asal (OEM).
5. Cult Creative (www.cultcreative.asia) – Platform rangkaian yang memadankan kreativiti dan bakal majikan melalui pengurusan data.
6. Products2U (www.products2u.my) – Ruang pasaran bagi golongan luar talian (offline) yang kurang akses kepada perkhidmatan.

Program MYStartup Accelerator adalah satu program intensif yang menyokong startup peringkat awal melalui inisiatif bimbingan dan kerjasama rapat bersama rakan korporat. Berlangsung selama enam (6) bulan sehingga Disember 2022, pihak pengajur menjangkakan kesemua peserta program akan mendapat manfaat yang besar daripada kesemua mentor, tenaga pengajar dan pakar-pakar dalam bidang masing-masing merangkumi topik penting seperti penskalaan perniagaan dan akses kepada pasaran.

Program ini juga membuka peluang kepada semua peserta untuk mendapat akses kepada manfaat dan sumber daripada rakan kongsi bernilai sehingga RM2 juta.



Mengulas mengenai kejayaan ini, Norman Matthieu Vanhaecke, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle, percaya bahawa pelaburan yang diterima kesemua enam startup ini adalah bukti keyakinan dan kepercayaan daripada bakal pelabur terhadap ekosistem startup tempatan.

'Cradle, sebagai focal agency yang dilantik Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi startup di peringkat awal, cakna mengenai kepayahan dalam mendapatkan dana bagi startup. Oleh demikian, majlis menandatangani perjanjian pelaburan pada hari ini adalah bukti komitmen dan sokongan penuh daripada Cradle dalam usaha menghubungkan startup tempatan kepada bakal pelabur", ujar Norman.

Ahmad Kashfi Alwi, Naib Presiden Kanan Pembangunan Ekosistem Cradle, berkata, "Kami telah menerima lebih daripada 500 penyertaan untuk kohort pertama ini dan sebanyak 33 startup telah dipilih bagi menjalani program bimbingan yang intensif bersama pakar-pakar industri yang berpengalaman."

"Pelaburan yang diterima oleh kesemua startup pada hari ini mengukuhkan lagi bukti impak keberkesanan program MYStartup Accelerator. Kami akan terus merancang dan melaksanakan lebih banyak program seperti ini di masa hadapan bagi menarik lebih ramai pelabur dan syarikat korporat ke dalam ekosistem startup tempatan", tambah Ahmad Kashfi.

Dikuasakan oleh Cradle, program MYStartup Accelerator adalah satu daripada pelbagai program dan inisiatif di bawah strategi MYStartup anjuran MOSTI, yang menyasarkan untuk meletakkan Malaysia sebagai satu daripada 20 ekosistem startup terbaik di dunia menjelang 2030.

Disenarai sebagai salah satu daripada 16 intervensi di bawah Pelan Halatuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030, program MYStartup memainkan peranan yang penting dalam memanifestasikan sasaran MOSTI untuk melahirkan 5000 startup dan lima (5) syarikat unicorn menjelang 2025 bagi memperkasakan pertumbuhan ekonomi melalui sains, teknologi dan inovasi.